

## **Perspektif Masyarakat Melayu Terhadap Kepercayaan Masyarakat Cina dalam Penyembahan Datuk Kong di Kuching, Sarawak**

**(*The Malay's Community Perspective on Datuk Kong Worship by Chinese's Community in Kuching, Sarawak*)**

**Mohammad Ramzuan Bin Bolhassan<sup>1\*</sup> , Elena Chai<sup>2</sup> **

<sup>1</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: mohammadramzuan@gmail.com

<sup>2</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: gelena@unimas.my

### **ABSTRAK**

#### **CORRESPONDING**

#### **AUTHOR (\*):**

Mohammad Ramzuan Bin  
Bolhassan  
(mohammadramzuan@gmail.com)

#### **KATA KUNCI:**

Datuk Kong  
Melayu  
Pandangan  
Perspektif  
Kepercayaan  
Transkrip

#### **KEYWORDS:**

Datuk Kong  
Malay  
Worldviews  
Perspective  
Negotiation of belief  
Transcript

#### **CITATION:**

Mohammad Ramzuan Bolhassan & Elena Chai. (2023). Perspektif Masyarakat Melayu Terhadap Kepercayaan Masyarakat Cina dalam Penyembahan Datuk Kong di Kuching, Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002309.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2309>

Fokus utama kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan persepsi daripada masyarakat Melayu Sarawak terhadap kepercayaan penyembahan Datuk Kong yang diamalkan oleh masyarakat Cina tempatan, khususnya di Kampung Buntal, Kuching. Secara umumnya diketahui sebagaimana masyarakat Melayu secara dominan menganut agama Islam secara tidak langsung mempengaruhi nilai, pandangan dan perspektif mereka terhadap perkara sedemikian. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan buah fikiran yang mendalam terhadap bagaimana masyarakat Melayu Sarawak khususnya di Kuching berhadapan dengan kepercayaan sedemikian dan pandangan terhadap kewujudan penyembahan semangat Datuk Kong. Data empirikal dikumpulkan melalui pemerhatian dan temu bual bersama penduduk direkodkan, ditranskripsikan dan dianalisis. Dapatan kajian telah mendapat terdapat dua golongan masyarakat Melayu yang berlainan pendapat terhadap kepercayaan Datuk Kong.

### **ABSTRACT**

The main focus of this research is to inquire upon the view and perception of the Malay community of Sarawak towards the belief of Datuk Kong among the local Chinese community at Kampung Buntal, Kuching. It is generally known that the Malay community predominantly subscribe to the belief of Islam that places strong influence upon their values and worldviews regarding specific matter and phenomenon. Similarly, the purpose of this research is also to gain some in-depth perspectives of how the Sarawak Malays negotiate their belief and view towards the existence and worship of Datuk Kong. Empirical data

collected through participant observation and interviews are recorded, transcribed and analysed. Likewise, according to the findings relate that there are two diverging views presented by the Malay community concerning the belief of Datuk Kong.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini akan menyumbang kepada literatur yang sedia ada dengan mencakupi pandangan daripada masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak secara lebih mendalam dan dapat memberi gambaran terhadap penyesuaian sistem kepercayaan masyarakat Cina khususnya terhadap Datuk Kong di Kuching, Sarawak.

## 1. Pengenalan

Sarawak, sebuah negeri yang kaya dengan budaya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum. Secara umumnya, masyarakat Melayu di Sarawak merupakan bangsa ketiga yang terbesar (22.4%) selepas Kaum Iban (28.9%) dan Kaum Cina (25.2%) ([Mustafa, Deli, Sarbini-Zin & Meor Osman, 2014](#)). Secara khususnya, masyarakat Melayu di Sarawak mempunyai perbezaan dari segi dialek jika dibandingkan dengan Masyarakat Melayu di Semenanjung. [Mustafa et al. \(2014\)](#) menyatakan bahawa dialek Melayu Sarawak agak berlainan daripada Bahasa Melayu baku atau Standard. Sebagai contoh, masyarakat Melayu menggunakan perkataan ‘sine’ yang berbeza dengan perkataan Bahasa Melayu baku iaitu ‘di mana’.

Pangkat seseorang di dalam masyarakat Melayu dapat diukur melalui panggilan. Sebagai contoh yang dapat dilihat iaitu panggilan *Dato* di hadapan nama seseorang dalam masyarakat. Menurut [Karim dan Rezo \(2012\)](#), panggilan hormat seperti Tan Sri dan Dato yang diberikan kepada masyarakat Melayu khususnya mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

*Keramat* diertikan sebagai anugerah daripada Allah SWT. Ianya dianugerahkan kepada orang mukmin yang soleh. Dalam masyarakat alam Melayu, telah berlaku penyelewengan dan tersimpang daripada ajaran Islam sebenar. [Osman \(1989\)](#) telah menerangkan *keramat* terbahagi kepada 6 pembahagian dalam alam Melayu iaitu:

- i. Penyembahan di pusara orang yang telah dikatakan menerima anugerah *wali* semasa masih hidup ataupun selepas mati,
- ii. Penyembahan di pusara raja-raja/sultan, bomoh, pengasas sesuatu penempatan, malahan kepada seseorang yang tidak dikenali ramai dan tidak dipastikan asal usulnya yang juga dikatakan sebagai *keramat*,
- iii. Kepercayaan terhadap orang alim yang hidup dan orang yang mempunyai kelebihan (*keramat hidup*),
- iv. Kepercayaan terhadap *keramat* yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar seperti tempat tinggal ataupun objek semula jadi di sesuatu tempat yang spesifik,
- v. Kepercayaan terhadap objek *keramat* yang mempunyai magis ataupun kuasa; dan
- vi. Kepercayaan terhadap binatang yang mempunyai *keramat*.

Masyarakat Melayu telah meninggalkan segala aktiviti penyembahan setelah kedatangan Islam. Ajaran Islam menegaskan kepada pengikut bahawa mereka perlu beriman kepada Rukun Islam dan Rukun Iman. Setiap orang Islam perlu mengetahui dan mengamalkan rukun tersebut (['Al-Arfaj, 2002](#)). Antara Rukun Islam yang termaktub adalah mengucap 2 kalimah syahadah, menunaikan solat lima (5) waktu, menunaikan

zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji bagi mereka yang berkemampuan.

Iman didefinisikan sebagai mengucap dengan lidah, membenarkan di dalam hati dan melakukan dengan anggota tubuh badan ([Basiran, Saberi & Jasmi, 2012](#)). [Masroom, Muhamad dan Panatik \(2013\)](#) menyatakan bahawa Rukun Iman terbahagi kepada enam (6) perkara iaitu: beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada nabi dan rasul, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qada' dan qadar.

[Freedman dan Skinner \(1979\)](#) menyatakan Masyarakat Cina secara umumnya telah berhijrah ke Asia tenggara sejak abad ke-19 lagi yang bertujuan mencari peluang yang lebih baik daripada negara asal. Oleh itu, kepercayaan yang ada di benua ini semakin bertambah dan bervariasi. [Mun dan Fee \(2014\)](#) dalam kajian mereka mendapati bahawa masyarakat Cina telah mengubah aktiviti budaya mereka termasuk upacara keagamaan mereka akibat daripada proses adaptasi kehidupan di sekeliling mereka. Perubahan ini seterusnya mendorong masyarakat Cina melakukan perubahan yang menarik dan sangat unik di mana perubahan ini hanya didapati di Malaysia. Perkara yang jelas kita dapat lihat di sini adalah penyembahan terhadap Datuk Kong dalam kalangan masyarakat Cina. [Mun dan Fee \(2014\)](#) juga menyatakan bahawa kepercayaan ini adalah unik dan ianya tidak diamalkan di negara China. Masyarakat Cina yang telah sampai ke Tanah Melayu menunjukkan rasa hormat kepada budaya tempatan. Secara umumnya, panggilan Datuk Kong telah dikekalkan sehingga hari ini sebagai tanda hormat kepada agama tempatan ([Lau, 2012](#)).

[Lau \(2012\)](#) juga menyatakan bahawa masyarakat Cina mempunyai sebutan yang berbeza iaitu sebutan *Dato* akan bertukar kepada *Datuk*. Hal ini disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa ibunda mereka. Sebagai contoh, Bahasa Mandarin menyebutnya sebagai Ná Dū. Dalam Bahasa Kantonis dan Bahasa Hokien, sebutan *Dato* disebut sebagai Nă Dùk dan Dā Dùk.

Menurut [Anderson \(1977\)](#), masyarakat Cina telah melakukan dan mengadaptasikan unsur penyembahan dewa Datuk Kong daripada masyarakat Melayu yang telah ditinggalkan oleh mereka (masyarakat Melayu) sejak dahulu lagi. Secara asas, Datuk Kong mempunyai hubungan dengan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Ulas [Lau \(2012\)](#) lagi, kerja pemujaan telah diambil alih oleh masyarakat Cina daripada masyarakat Melayu yang telah berpegang teguh terhadap ajaran agama Islam. Hal ini telah menunjukkan bahawa pemujaan Datuk Kong juga dibuat oleh masyarakat Melayu sebelum daripada masyarakat Cina. Tujuan utama pemujaan Datuk Kong adalah untuk mendapatkan keberkatan ([Tjandra, 1993, pp. 75](#)).

Penyembahan Datuk Kong boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Antara peralatan yang digunakan semasa upacara penyembahan Datuk Kong adalah 3 batang lilin putih, 3 batang gaharu, dan kemenyan ([Temple Tree, n.d.](#)). Pada setiap hari Khamis, pengikut akan melakukan penyembahan dan pemujaan istimewa kepada Datuk Kong. Pengikut akan menyediakan rokok daun kepada Datuk Kong bersama dengan buah-buahan yang dipercayai sebagai santapan untuk Datuk Kong. Akan tetapi, setiap penyembahan Datuk Kong juga mempunyai pantang dan larangan dalam pemberian. Oleh kerana sebahagian daripada Datuk Kong adalah beragama Islam, maka pemberian seperti khinzir, arak dan pemberian yang bertentangan dengan ajaran Islam adalah sangat tidak dibenarkan. Dalam sebahagian daripada penyembahan Datuk Kong, upacara seperti tarian dan lagu

akan dipersembahkan kepada Datuk Kong sebagai cara menyambut hari lahir semangat Datuk Kong. Malahan dalam sesetengah kes, semangat Datuk Kong akan meminta persembahan tarian Melayu Moden ([Peow, 2012](#)).

Kebanyakan rumah masyarakat Cina di Malaysia kebanyakannya mempunyai tempat penyembahan yang dikenali sebagai *tian gong*. Akan tetapi, untuk masyarakat Cina yang menyembah Dato Gong, sebuah tempat penyembahan yang agak kecil berbanding tempat penyembahan yang lain di kawasan sekitar rumah ataupun rumah ibadat akan disediakan di sesuatu kawasan. Tempat penyembahan untuk keramat Datuk Kong mempunyai perbezaan dari segi corak dan bentuk jika dibandingkan dengan *tian gong*. Keramat Datuk Kong biasanya akan didirikan di atas tanah dan mempunyai tapak sendiri ([Mun & Fee, 2014](#)). Mazbah untuk Datuk Kong di rumah akan diletakkan dalam *keramat* yang terletak di halaman belakang rumah.

Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh [Mun dan Fee \(2014\)](#), figura Datok Kong di dalam mazbah selalunya boleh dilihat menggunakan songkok hitam di kepala, kopiah dan malahan tengkolok yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri pemakaian masyarakat Melayu. Dari segi pakaian, figura Datuk Kong dipakaikan Baju Melayu iaitu baju tradisional masyarakat Melayu. Di sesetengah kawasan, identiti Melayu bertambah kuat apabila terdapat keris yang diselitkan di Mazbah Datuk Kong, sesetengah tempat pula meletakkan keris di tapak tangan figura Datuk Kong.

Untuk panggilan, [Mun dan Fee \(2014\)](#) menyatakan Datuk Kong boleh dipanggil sebagai Datuk Hijau, Datuk Hitam, Datuk Merah, Datuk Kuning dan Datuk Biru. Fungsi panggilan yang mengikut warna ini adalah mempunyai peranan yang berbeza. Mengikut [Cheu \(1992, p. 387\)](#), Datuk Kuning berfungsi untuk menjaga kebajikan yang tinggal di sesuatu kawasan atau tempat manakala Datuk Hijau berperanan sebagai penjaga kepada alam sekitar.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1. Sinkretisme

Menurut [Mohd Mokhtar dan Sa'ari \(2015\)](#), konsep sinkretisme tergolong kepada 3 kumpulan iaitu sinkretisme agama dan agama, sinkretisme agama dan falsafah serta sinkretisme agama dan budaya. Secara amnya, masyarakat Cina di Malaysia bukan hanya tertumpu kepada satu agama sahaja. Sinkretisme dalam kalangan masyarakat Cina telah berlaku sejak zaman dahulu. Kajian yang dilakukan oleh [Twinem \(1925\)](#) menunjukkan unsur sinkretisme dalam kepercayaan masyarakat Cina di Shanghai, China iaitu *Wu Shan She* yang terjadi daripada 5 agama yang telah digabungkan iaitu Konfusianisme, Buddhisme, Taosisme, Islam dan Kristian di mana ianya menekankan perilaku yang baik sebagai prinsip utama. Perkara ini dinyatakan oleh [DeBernadi \(2009\)](#) dalam kajiannya di mana elemen agama lain seperti unsur Kristian dan Hindu juga wujud dalam agama masyarakat Cina. [Elliot \(1955, p.27\)](#) telah menghuraikan konsep terbitan daripada *bai shen*. *Bai* merujuk kepada sembahyang ataupun penyembahan manakala *shen* pula diertikan sebagai semangat spiritual yang mempunyai kuasa yang mesti disembah untuk menjaga kesejahteraan manusia. Sebagai contoh, penyembahan Datuk Kong telah memberikan masyarakat Cina kesenangan dari segi harta dan perlindungan.

Semasa kedatangan masyarakat Cina ke Tanah Melayu pada suatu masa terdahulu, mereka memerlukan orang tempatan yang berkuasa sebagai penjaga dan petunjuk kepada mereka. Salah satu kerisauan mereka pada masa dahulu adalah seperti mendapat penyakit. Kehebatan Datuk Keramat sebagai individu yang dapat menyembuhkan orang ketika itu menyebabkan masyarakat Cina menyembah kepada Datuk Keramat sebagai Datuk Kong ([Mun & Fee, 2014](#)). Dalam kajian yang dilakukan oleh [Cheu \(1992\)](#), penyembahan Datuk Keramat sebagai Datuk Kong itu sendiri datang daripada kepercayaan masyarakat Melayu pada mulanya sebelum kedatangan agama Islam di Tanah Melayu. Golongan yang dianggap sebagai alim atau Keramat oleh masyarakat dahulu dipercayai mempunyai kebolehan memiliki separuh daripada kuasa Tuhan. Apabila ‘Datuk’ telah meninggal dunia, roh mereka akan menjelma dalam bentuk semangat. Selain masyarakat Melayu, masyarakat Cina juga melihat Datuk Keramat atau Datuk Kong sebagai orang-orang yang alim. Konsep ini seterusnya dikekalkan dan diterima oleh masyarakat Cina. Hal ini membawa kepada sinkretisme dalam agama masyarakat Cina di Malaysia.

## **2.2. Akulturasi**

Dalam konteks akulturasi masyarakat Cina, perkara ini dapat merujuk kepada yang dinyatakan oleh [Awang dan Mohd Khambali \(2016\)](#), di mana kedatangan mereka ke negeri di Tanah Melayu seperti Terengganu telah meletakkan etnik ini tidak lagi tergolong dalam kehidupan serumpun malahan telah menjadikan mereka hidup dalam kehidupan yang berbilang kaum dengan kaum yang lain. Menurut [Beng \(1993\)](#), unsur pinjaman budaya dalam kehidupan sehari-hari telah dilakukan dan menjadi sebahagian daripada struktur kehidupan mereka. Perkara ini dapat dilihat melalui amalan penyembahan roh Melayu yang beriman dan mempunyai keramat. Penyembahan ini dilakukan oleh mereka kerana mereka tinggal di Tanah Melayu ([Awang & Mohd Khambali, 2016](#)). Akulturasi dalam masyarakat Cina dapat dilihat melalui elemen pakaian, dandanan rambut dan cara penyediaan, bahasa, agama serta adat. Contoh yang sangat jelas dilihat adalah melalui terhasilnya komuniti Cina Peranakan. Komuniti ini merupakan hasil daripada proses asimilasi dengan budaya Melayu atau telah mengalami separa asimilasi ([Khoo, 2010](#)).

## **2.3. Inkulturasi**

Proses inkulturasi merujuk kepada proses penyelarasan budaya tempatan kepada ajaran agama Kristian ([Benedict Mugok & Chai, 2017](#)). Dalam budaya masyarakat Cina, mereka juga tidak terlepas daripada proses akulturasi dalam budaya mereka. Sebagai contoh, inkulturasi dalam budaya etnik Cina dapat dilihat melalui perayaan Tahun Baru Cina dan perayaan kuih bulan. Perayaan Tahun Baru Cina yang menekankan keberkatan, kemakmuran, harapan masa depan yang cerah dan mengelakkan daripada anasir semangat yang jahat sedikit sebanyak dikaitkan dengan proses inkulturasi.

## **2.4. Sejarah kepercayaan masyarakat Melayu di Sarawak**

Menurut [Abdul Wahab \(2013\)](#), masyarakat Melayu merupakan kumpulan peribumi kedua terbesar di Sarawak selepas kaum Iban. Kepercayaan dalam masyarakat Melayu di Sarawak dilihat kaya dengan kepercayaan yang diwarisi secara turun temurun dan perkara tersebut menjadikan perkara ini sebagai undang-undang sosial di dalam masyarakat. Masyarakat Melayu di Sarawak dari segi penempatan merupakan masyarakat pesisir dan penempatan mereka tertumpu di kawasan pesisir selain

daripada kawasan bandar atau daerah ([Awang Mois, 2001](#)). Menurut [Abdul Wahab \(2013\)](#), kepercayaan yang diadaptasi dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dimanifestasikan daripada petua-petua kehidupan tradisional dan pantang larang yang dapat menjaga kehidupan sehari-hari.

[Abdul Wahab \(2013\)](#) juga menyatakan sebelum kedatangan Islam dalam masyarakat Melayu di Sarawak, lazimnya masyarakat Melayu masih mengamalkan kepercayaan animisme di mana kepercayaan tersebut meletakkan roh sebagai elemen utama pada kebendaan seperti kayu atau batu serta semangat yang tidak baik (jahat) wujud di atas muka bumi. Sebelum masyarakat Melayu mempunyai agama dan ajaran Islam, mereka amat mempercayai hantu, jembalang, polong, pelesit dan semangat penunggu. Selain daripada kepercayaan animisme yang menjadi pegangan masyarakat Melayu Sarawak pada masa dahulu, agama dan budaya Hindu-Buddha turut memainkan peranan dalam mempengaruhi dalam mencorakkan kepercayaan masyarakat Melayu di Sarawak di mana waktu tersebut telah menyaksikan pemerintahan Raja-raja Hindu dan Buddha. Kehidupan masyarakat Melayu terhadap kepercayaan animisme telah berubah apabila kedatangan Islam daripada Timur Tengah. Di dalam kajian [Baki \(1993\)](#) hal ini secara langsung telah membentuk identiti masyarakat Melayu walaupun mempunyai pengaruh luaran seperti Hindu dan Barat. Walaupun kepercayaan dan tradisi turun temurun telah ditinggalkan apabila wujudnya agama Islam, akan tetapi terdapat juga adat yang telah dikekalkan dan diamalkan dalam masyarakat. Adat tersebut telah disesuaikan mengikut syarak agama Islam. Perkara tersebut dijelaskan melalui pemerhatian oleh [Swettenham \(2003:2\)](#) dalam [Abdul Wahab \(2013\)](#) di mana ianya menyatakan masyarakat Melayu yang memeluk Islam merupakan pengikut Muhammad, akan tetapi dalam masa yang sama juga percaya kepada tahiul.

Antara bidang masyarakat Melayu yang dipengaruhi oleh adat Hindu adalah bidang perubatan. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang telah dilakukan oleh [Ahmad \(1992\)](#) di mana petua-petua lama telah dimasukkan yang berkait rapat dengan ilmu perubatan Melayu. Di dalam kajian beliau, terdapat mantera dan jampi daripada agama Hindu diselitkan dalam proses perubatan Melayu tetapi perkara tersebut telah melanggar ajaran agama Islam dan tidak dimasukkan bersama. Walaupun wujudnya penggunaan jampi serapah dalam bidang perubatan tradisional, mereka masih berpegang kepada agama Islam dan juga turut menyelitkan unsur-unsur agama Islam dalam petua perubatan tradisional. Hasil daripada kajian [Abdul Wahab \(2013\)](#) terhadap kajian perubatan tradisional di Sarawak, pengamal tradisional menggunakan peluang untuk menggunakan bahan-bahan semula jadi di sekeliling kerana ianya mudah didapati dan tidak melibatkan kos yang tinggi. Sebagai contoh, sesetengah proses perubatan yang melibatkan kepercayaan terhadap ajaran Islam akan dilakukan dengan iringan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W dan dimulakan dengan bacaan Bismillah. Menurut informan yang telah ditemui bual oleh [Abdul Wahab \(2013\)](#) iaitu Hajah Uni, beliau telah menyatakan bahawa petua tradisional ini meletakkan keyakinan bahawa Tuhan mempunyai kuasa dalam menyembuhkan semua penyakit. Dalam keadaan tertentu, sebahagian amalan akan melibatkan bacaan atau secara khususnya dipanggil sebagai ‘doa’. [Abdul Wahab \(2013\)](#) menjelaskan bahawa kewujudan ‘doa’ dilihat sebagai adaptasi daripada warisan terdahulu iaitu semasa wujudnya pengaruh hindu yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dilihat di mana masyarakat Melayu menggunakan mantera dan jampi dalam bidang perubatan. Apabila wujudnya agama Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu, perkara ini disesuaikan dengan ajaran agama Islam yang telah menggantikan mantera dan jampi tersebut dengan bacaan doa dan mengambil ayat-ayat daripada Al-Quran.

Jika dilihat secara menyeluruh, orang berbangsa Melayu merupakan beragama Islam. Akan tetapi, Unsur-unsur kepercayaan daripada konsep Hindu dan Buddha masih mempengaruhi corak kepercayaan dalam segelintir masyarakat Melayu. Menurut [Abdullah \(2016\)](#), Islam tidak dapat menghapuskan sepenuhnya unsur-unsur daripada pengaruh Hindu dan Buddha daripada pemikiran masyarakat Melayu disebabkan ianya telah mengalami proses sinkretisme yang telah berlaku di mana kepercayaan sebelum tibanya agama Islam diasimilasikan dengan unsur ajaran Islam. Antara contoh yang dapat dilihat adalah institusi perbomohan masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Menurut [Abdullah \(2016\)](#) lagi, bomoh merujuk kepada individu yang mampu mengharmonikan semula penyakit yang menyerang manusia di mana perkara ini dilakukan penyembahan, pengorbanan, pemujaan melalui jampi, doa, dan mantera.

Jika diamati dengan penyembahan masyarakat Cina terhadap Datuk Kong, masyarakat juga mempercayai terhadap perkara yang hampir sama sebelum datangnya ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kepercayaan masyarakat Melayu terhadap perkara mistik seperti institusi perbomohan dilihat mempunyai persamaan dengan kepercayaan terhadap Datuk Kong apabila kedua-keduanya melibatkan penyembahan untuk mendapatkan sesuatu keinginan. Ketaksuhan kepada sesuatu benda atau terhadap segelintir telah menyebabkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu menyembah terhadap perkara sedemikian. Perkara ini juga telah didorong oleh faktor animisme seperti yang telah dinyatakan oleh beberapa pengkaji. Oleh itu, pandangan masyarakat Melayu terhadap penyembahan Datuk Kong semestinya mempunyai perkaitan rapat antara masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

## **2.5. Kajian terhadap masyarakat Cina di Tabidu dan Kota**

Berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan, pengkaji telah cuba mendalam terhadap beberapa kajian. Antaranya adalah kajian yang telah dilakukan oleh [Chai \(2013\)](#) iaitu '*One Deity, Many Ways: A Comparison of Communal Rituals in Two Chinese Settlements, Sarawak*'. Di dalam kajian ini, pengkaji tersebut menjalankan kajian terhadap kuil Thai Pak Kung di mana kajian ini telah mendapat sambutan. Kajian ini menunjukkan bahawa setiap kuil yang wujud mempunyai cara penyembahan yang berlainan daripada satu sama lain. Kajian ini tertumpu kepada komuniti setempat di Tabidu dan Kota yang didiami majoriti etnik Cina yang tergolong dalam kumpulan Hakka. Di Malaysia, kaum Cina mempunyai kepercayaan masing-masing dan di sebahagian besar mereka menganuti kepercayaan dan agama seperti Buddha, Taoisme dan Kristian. Masyarakat Cina telah tiba di Sarawak pada lewat 1800-an di mana satu pertiga mereka merupakan penganut kepercayaan Buddha.

Menurut pengkaji dalam kajian tersebut, kepercayaan masyarakat Cina tetap teguh terhadap kepercayaan Buddha selama tiga dekad di mana statistik telah diambil merekodkan kepercayaan Buddha merupakan kepercayaan yang paling tinggi diamalkan di Sarawak sejak 1980 dan ianya juga mengalami peningkatan sedikit demi sedikit saban tahun. Dalam kajian yang dilakukan di penempatan Tabidu dan Kota, dua kawasan tersebut berdekatan antara satu sama. Tabidu terdiri daripada majoriti kumpulan Hakka yang merangkumi 97 peratus dalam kawasan tersebut. Mengikut apa yang ditulis oleh pengkaji, kawasan tersebut pada tahun 1960-an telah dipindahkan dalam perancangan kerajaan di mana rancangan tersebut yang dikenali sebagai '*Hammer Operation*'. Sebahagian besar kumpulan yang dipindahkan adalah petani golongan Hakka yang tinggal di antara Batu 15 dan Batu 24. Berdasarkan maklumat

sejarah awal yang diperolehi oleh [Chai \(2013\)](#), Kuil Thai Pak Kung telah dibina di kawasan tersebut sekitar awal 1900-an dan mengikut apa dikatakan oleh penduduk awal di Tabidu yang berumur 98 tahun pada tahun tersebut (2012), Kuil Thai Pak Kung bermula sebagai sebuah tempat penyembahan yang disertakan dengan kemenyan sahaja di mana tempat kuil tersebut kekal sama sehingga ke hari ini. Kuil pada masa tersebut hanya terdiri daripada binaan ringkas seperti kelapa sawit sebelum kuil tersebut diganti dengan pelindung iaitu zink. Zink tersebut diletakkan di atas dan sebelah-menyebelah tempat kemenyan di tempat penyembahan tersebut yang bertujuan untuk melindunginya daripada cuaca persekitaran. Kota pula terletak 10 Kilometer daripada Tabidu. Kawasan ini merangkumi daripada etnik Hakka dan Teochew. Thai Pak Kung di kawasan Kota dipercayai wujud apabila seorang penduduk yang berasal daripada China yang dikenali sebagai Encik Bong memindahkan tempat kemenyan daripada kawasan kediamannya di Batu 11 kepada tempat tinggalnya yang baru di Kota.

Tempat penyembahan di Kota mempunyai persamaan dengan tempat penyembahan di Tabidu di mana pada zaman dahulu tempat penyembahan di Kota hanya mempunyai tempat kemenyan yang mempunyai abu dipercayai dibawa daripada tempat asal mereka iaitu China. Sebelum Encik Bong berpindah ke Kota, rumah beliau mempunyai mazbah untuk penyembahan di mana tempat kemenyan tersebut diletakkan. Apabila beliau berpindah ke Kota, Encik Bong membawa tempat kemenyan dan membina kuil yang baru. Binaan struktur tempat penyembahan juga mempunyai persamaan di Tabidu iaitu dibina dengan struktur daripada kelapa sawit sebelum digantikan dengan zink bagi membantu melindungi tempat kemenyan tersebut daripada cuaca. Selain daripada itu, [Chai \(2013\)](#) juga menyatakan bahawa penduduk setempat juga memegang kepercayaan terhadap dewa tempatan iaitu Datuk Kong. Hal ini dapat dilihat melalui mazbah Datuk Kong yang didirikan dalam kawasan setempat iaitu di dalam kawasan kajian iaitu Tabidu dan Kota. Dalam kajian tersebut, Datuk Kong merupakan Tuhan atau Dewa yang dipercayai berkait dengan asal usul daripada masyarakat Melayu. Menurut [Chai \(2013\)](#) lagi, perkataan ‘Datuk’ itu merupakan perkataan Melayu yang membawa erti kepada orang yang dikenali ramai dan mempunyai pengaruh yang disegani oleh orang ramai. Secara khususnya, terdapat perbezaan dalam amalan masyarakat Cina terhadap kepercayaan Datuk Kong di Tabidu dan Kota. Sebagai contoh, perkara ini dapat dilihat melalui amalan berpuasa. Memandangkan Datuk Kong berasal daripada kaum Melayu yang beragama Islam, amalan berpuasa merupakan sebahagian daripada perkara yang wajib dilakukan pada bulan Ramadhan. Ramadhan merupakan musim di mana segala makan dan minum adalah tidak dibenarkan sama sekali. Dalam konteks masyarakat Tabidu dan Kota, kepercayaan masyarakat di Tabidu menjelaskan bahawa Datuk Kong tidak perlu menjalankan aktiviti berpuasa pada bulan Ramadhan. Hal ini disebabkan kerana Datuk Kong telah berubah menjadi Dewa. Oleh itu, tiada keperluan untuk Datuk Kong menjalankan aktiviti berpuasa.

Perkara ini berbeza dengan masyarakat di Kota, di mana kepercayaan Datuk Kong dikaitkan dengan kepercayaan Melayu Islam. Datuk Kong akan berpuasa apabila datangnya musim bulan Ramadhan selama sebulan dan tidak akan dihidangkan dengan hidangan yang kebiasaannya dihidangkan oleh penduduk Kota. Menurut [Chai \(2013\)](#) apabila tamatnya bulan Ramadhan, Datuk Kong akan dihidangkan dengan makanan pada hari pertama bulan Syawal iaitu bersamaan dengan hari pertama Raya Aidilfitri. Makanan yang dihidangkan adalah seperti kari, rendang dan sate. [Chai \(2013\)](#) menyatakan bahawa mazbah Datuk Kong terletak berhampiran dengan Thai Pak Kung. Perkara ini dapat dilihat melalui di Tabidu di mana mazbah Datuk Kong terletak di

sebelah kiri sayap bangunan. Manakala di Kota, mazbah Datuk Kong diletakkan tidak jauh daripada bangunan utama (Thai Pak Kung). Menurut [Chai \(2013\)](#) dalam kajiannya, jarak mazbah Datuk Kong dengan Thai Pak Kung dianggarkan lebih kurang 100 meter jauhnya. Berhampiran dengan mazbah Datuk Kong, diletakkan bunga mawar. Hal ini kerana bunga tersebut berkait rapat dengan kepercayaan agama Islam yang turut dikaitkan dengan Datuk Kong. Bunga ini pada kebiasaannya ditanam di tanah perkuburan Islam. Secara lazimnya, [Chai \(2013\)](#) menyatakan bahawa Datuk Kong akan menyertai perayaan besar-besaran Thai Pak Kung atas permintaan Datuk Kong itu sendiri. Mengikut [Chai \(2013\)](#), Datuk Kong mula menyertai perayaan Thai Pak Kung pada tahun 2009. Sebelumnya, Datuk Kong tidak pernah meminta untuk menyertai upacara tersebut. Perkara ini diambil tahu oleh [Chai \(2013\)](#) yang telah menemu bual penduduk yang dipercayai menjadi perantara semangat Datuk Kong. Jawapan daripada perantara tersebut mengatakan bahawa Datuk Kong merupakan Dewa yang mempunyai ‘angin’ (*mood*) tersendiri dan mempunyai banyak karenah. Oleh itu, semasa perayaan Thai Pak Kung, kuil sementara untuk Datuk Kong telah dibina oleh penduduk setempat untuk tujuan perarakan. Untuk upacara di Kota, Datuk Kong tidak menyertai perarakan tersebut. Datuk Kong di kedua-dua kawasan mempunyai persamaan iaitu mempunyai kerenah yang tersendiri.

### **3. Metod Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data daripada lapangan kajian. Menurut [Jasmi \(2012\)](#), hasil data daripada kaedah penyelidikan kualitatif tergolong dalam bentuk temu bual, pemerhatian serta analisis dokumen. [Jasmi \(2012\)](#) turut menekankan lagi bahawa nota lapangan dan diari pengkaji merupakan bukti dalam mengukuhkan kerja lapangan. [Gay dan Airasian \(2003\)](#) juga menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif mendalamai kajian dengan lebih mendalam di mana pengkaji mendapatkan kefahaman dalam sesuatu perkara di samping cuba untuk melihat perspektif masyarakat terhadap kajian pengkaji. Selain itu, [Patton \(1990\)](#) menyatakan bahawa data penyelidikan secara kualitatif terdiri daripada tiga jenis data iaitu: hasil pemerhatian, hasil lisan dan bahan bertulis.

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah ‘*snowball method*’ untuk mendapatkan informan yang relevan dengan kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri informan yang tepat dalam memberikan maklumat dalam dapatan kajian.

Oleh itu, kawasan Kuching iaitu Kampung Buntal telah dipilih oleh pengkaji sebagai kawasan kajian kerana beberapa kawasan mazbah Datuk Kong dikenal pasti wujud di kawasan kajian serta wujudnya komuniti masyarakat Melayu di lokasi yang sama ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berkongsi persekitaran yang sama dengan tempat Datuk Kong. Informan dalam kajian ini berbeza dari segi umur, tempat tinggal dan taraf pendidikan. Untuk membolehkan informan memberikan maklumat secara spontan, pengkaji tidak meletakkan had masa untuk memastikan temu bual berjalan secara semula jadi (*natural*).

#### **3.1. Pensampelan bertujuan**

Daripada rakaman percakapan bersama informan, pengkaji membuat pensampelan bertujuan untuk memperoleh maklumat penting serta menapis maklumat yang berkait rapat dengan kajian daripada informan.

Tersebut merupakan garis yang dijadikan sebagai panduan oleh pengkaji dalam mengenal pasti dan menganalisis data kajian hasil daripada perbualan yang telah dirakam oleh pengkaji dan mengambil data yang dipercayai penting untuk kajian:

- a) Pengkaji memainkan pita rakaman secara berulang kali dan membuat transkripsi perbualan secara tidak formal daripada informan yang telah ditemui bual.
- b) Pengkaji meneliti secara mendalam transkripsi perbualan informan dan cuba mencari maklumat yang penting disampaikan oleh informan.
- c) Pengkaji seterusnya cuba memahami maklumat yang telah disampaikan melalui transkripsi dan membandingkan pendapat dan idea informan untuk mencari perbezaan dan persamaan tanggapan informan masing-masing.

### **3.2. Kaedah pemilihan informan**

Pengkaji telah memilih informan daripada Kampung Buntal, Kuching yang merangkumi daripada masyarakat Melayu yang berbeza taraf umur dan Pendidikan untuk mendapatkan sudut perspektif yang berbeza. Selain daripada perkara tersebut, pengkaji mencari informan berdasarkan maklumat daripada informan yang lain dan cadangan daripada masyarakat Melayu di kawasan kajian. Kaedah ini digelar *sebagai 'snowball method'*.

Data kajian yang dikumpulkan dijalankan melalui pensampelan bertujuan di mana sampel daripada data-data kajian akan dipilih oleh pengkaji mengikut kesesuaian yang dipercayai berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kaedah pensampelan bertujuan dipilih atas sebab bukan semua yang disampaikan oleh responden dalam rakaman yang direkodkan oleh pengkaji berkaitan dengan kajian berkenaan dengan kepercayaan Datuk Kong. Oleh sebab itu, tapisan akan dilakukan oleh pengkaji dan semua maklumat akan pengkaji dengar secara teliti.

Menurut [Jasmi \(2012\)](#), sumber utama untuk data primer adalah daripada informan dan responden sendiri. [Jasmi \(2012\)](#) turut menegaskan bahawa responden dan informan adalah berbeza di mana responden merujuk kepada ragam dalam gejala yang berkait dengan perasaan, kebiasaan, sikap, motif dan perspektif manakala informan pula merujuk kepada sumber data yang berkaitan dengan pihak ketiga dan data yang berkaitan dengan hal yang membentuk atau gejala umum.

Dalam sumber data primer, data primer ini pengkaji telah menetapkan tiada had terhadap informan yang terlibat. Perkara ini selari dengan kajian kualitatif di mana tiada jumlah yang had dan bentuk responden secara tetap. Pengkaji turut menjalankan temu bual yang spontan akan tetapi ianya secara mendalam untuk memahami topik yang dibincangkan.

## **4. Dapatan Kajian**

### **4.1. Analisis pengetahuan masyarakat Melayu Sarawak terhadap kewujudan Datuk Kong**

[Gambar 1](#) menunjukkan tempat Datuk Kong di dalam sebuah Tokong Cina di Kampung Buntal. Pengkaji telah bertemu dengan informan pertama yang merupakan penduduk asal Kampung Buntal di mana beliau merupakan salah seorang penjual ikan yang

terletak di bulatan kampung tersebut. Nama informan yang tersebut ialah Encik Salleh bin Ben yang berusia 56 tahun. Hasil daripada temu bual tersebut, pengkaji telah bertanya mengenai kewujudan Datuk Kong di kampung tersebut. Pengkaji mendapati bahawa Encik Salleh sedar dan cakna tentang kewujudan Datuk Kong sejak dia masih di peringkat muda. Berikut merupakan maklumat yang menunjukkan Encik Salleh sedar akan keberadaan Datuk Kong.

Gambar 1: Tokong Cina yang mempunyai tempat Datuk Kong (ditanda) di Kampung Buntal, Kuching.



(Sumber: Kajian lapangan 2020)

*“...Ohh, Dato Kong! Biasalah kamek dengar bila bercampur dengan sidak Cina sitok. Dari kecil dah kamek nang diam di Buntal.*

*(Ohh Datuk Kong! Biasalah bila dah bercampur dengan masyarakat Cina di sini. Saya dari kecil memang menetap di Buntal).*

Pergaulan bersama masyarakat Cina di kampung tersebut telah memberikan kesedaran kepada Encik Salleh tentang kewujudan Datuk Kong. Malahan, Encik Salleh turut melihat budaya penyembahan Datuk Kong di sebuah kuil Cina yang terletak di pintu masuk Kampung Buntal seperti di dalam [Gambar 1](#) tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penyembahan Datuk Kong bukan perkara yang asing kepada Encik Salleh.

Pengkaji juga telah menemui salah seorang penduduk yang dikenali ramai di Kampung Buntal. Beliau merupakan penduduk yang mendiami kampung tersebut selama 28 tahun. Nama informan seterusnya ialah Haji Ali bin Jeraie atau lebih dikenali sebagai Pak Ali oleh orang kampung yang berusia 87 tahun. Beliau merupakan seorang pesara kakitangan kerajaan.


Pak Ali telah menyatakan kepada pengkaji tentang ciri-ciri penampilan Datuk Kong kepada pengkaji. Hal ini telah menunjukkan bahawa Pak Ali pernah melihat sendiri patung Datuk Kong yang dijadikan sebagai penyembahan oleh masyarakat Cina. Berikut merupakan dialog Pak Ali bersama pengkaji:

*“...Ohh sik silap kamek orang nak dipolah nya jadi aji yakah? Nak ada janggut ya?”*

(Ohh tak silap pak cik orang yang dibuat menjadi patung tu? Yang ada janggut tu?)

Tambah Pak Ali lagi, beliau pernah pergi ke kuil Cina untuk tujuan perubatan isteri beliau seperti yang dicadangkan oleh kawan Pak Ali yang berbangsa Cina. Pak Ali mengatakan bahawa beliau telah ternampak patung Datuk Kong ketika berada di kuil yang terletak di Kawasan Tabuan, Kuching, semasa perubatan isteri beliau. Pak Ali menyatakan beliau memanggil Datuk Kong sebagai ‘Tuan Haji’ oleh kerana penampilan pada patung Datuk Kong menyerupai seperti masyarakat Melayu yang mempunyai gelaran Haji. Perkara ini juga disebabkan apabila Datuk Kong yang berada di kuil Cina dipakaikan songkok di mana ianya merupakan sebahagian daripada pemakaian tradisional masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati Pak Ali juga sedar tentang kewujudan Datuk Kong. **Gambar 2** di bawah menunjukkan identiti yang mirip seperti dikatakan oleh Pak Ali.

Gambar 2: Rupa identiti Datuk Kong yang dikatakan seperti orang Melayu Islam.



(Sumber: Kajian lapangan 2020)

*“...familiar ya sik dikata familiar, minak kamek pernah nangga dekat tokong ya ada aji. Mana-mana tokong Cina, topi Melayu mesti ada. Songkok, songkok.”* (Kenal tu taklah kenal sangat, Cuma pak cik memang pernah tengok dekat Tokong ada seorang haji. Mana-mana tokong Cina, topi Melayu mesti ada. Songkok, songkok.)

Seterusnya, pengkaji telah melawat pondok yang menjadi kawasan lepak setiap petang untuk warga Buntal. Rata-rata orang yang duduk di pondok tersebut merupakan warga yang lebih daripada 50 tahun. Antara warga yang sempat pengkaji menemu bual adalah Haji Oren (73 tahun), Encik Abu Samah (60 tahun) dan Encik Jemah Fadzil (56 tahun). Pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan diri sebelum mengajukan soalan kepada mereka di pondok tersebut dan tujuan pengkaji untuk menemu bual mereka berkaitan pengetahuan mereka dengan kewujudan Datuk Kong. Berdasarkan daripada perbualan pengkaji dengan informan-informan, mereka sedar akan kewujudan Datuk Kong di kampung tersebut. Akan tetapi, ketiga-tiga informan kurang jelas dengan nama Datuk

Kong. Mereka sedar akan watak Melayu yang ada pada Datuk Kong yang menyerupai seperti seorang Melayu Islam. Perkara tersebut dapat dilihat melalui [Gambar 2](#).

*“...Ohh macam bentuk Islam ya nangga kamek”* (sambil ketawa)  
 (Ohh macam bentuk Islam ya saya tengok tu).

Menurut Abu Samah, generasi sekarang tidak akan mengetahui tentang kewujudan Datuk Kong di kampung tersebut.

*“...benda kedaktok memang dari generasi lamak. Cuba tanyak dengan miak kinektok memang sidak siktauk.”*  
 (Benda tersebut memang dari generasi lama.Cuba tanya kepada budak-budak zaman sekarang memang mereka tak tahu).

Hasil daripada temu bual bersama kesemua informan, pengkaji dapat melihat bahawa kewujudan Datuk Kong diketahui oleh masyarakat Melayu di Kampung Buntal. Pengetahuan informan-informan terhadap kewujudan Datuk Kong ada melalui pengalaman mereka bergaul dengan masyarakat Cina. Hal ini jelas dilihat oleh pengkaji apabila jawapan daripada informan menyatakan pergaulan dengan masyarakat Cina membawa mereka kepada timbulnya pengetahuan tentang kewujudan Datuk Kong. Informan seperti Encik Salleh, Haji Ali bin Jeraie dan Encik Dollah masing-masing menyatakan perkara tersebut berdasarkan transkripsi hasil daripada rekod perbualan pengkaji bersama mereka.

Informan terakhir merupakan seorang informan yang telah dicadangkan oleh seorang berbangsa Cina yang dikenali sebagai Ah Kian di mana beliau memelihara semangat Datuk Kong di kampung tersebut. Informan tersebut yang bernama Dollah Bin Muhi (60 tahun) merupakan kenalan rapat kepada Ah Kian. Menurut Ah Kian, Encik Dollah mempunyai pengalaman luas dalam melihat Datuk Kong. Oleh itu, pengkaji telah pergi ke rumah Encik Dollah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan Datuk Kong. Menurut Encik Dollah, beliau mempunyai pengalaman dalam penglibatan budaya Cina. Penglibatan ini dapat dilihat apabila beliau turut menyertai dalam upacara sembahyang Cina.

*“...Datuk Kong tok eh, sebena-benanya sejenis ya lah ada orang Melayu kita juak. Tapi nang diasing nya sigek tempat. Dewa-dewa kita. Nang sidak pecayak ngan orang kita.”*

(Datuk Kong sejenis yang merupakan orang Melayu kita juga. Tetapi diasingkan kepada satu tempat. Dewa-dewa kita. Mereka memang percaya kepada orang kita.)

*“...sebenanya banyak orang kita yang Islam memang siktauk juak. Banyak sik tauk. Nak tauk orang kita ya tapekong ajak. Tapi nak rumah berasing ya memang bangsa lain. Nyai sikpat dicampur dengan lain sebab hidangan dak lain ya daging babi, arak.”*

(Sebenarnya, banyak orang kita yang Islam tidak tahu tentang Datuk Kong. Ramai tidak tahu. Yang kita tahu tentang tokong sahaja. Tapi rumah yang berasingan itu memang bangsa lain. Datuk Kong tidak campur dengan lain sebab hidangan mereka terdiri daripada daging babi, arak).

Selain daripada pergaulan dengan masyarakat Cina yang membawa kepada pengetahuan terhadap kewujudan Datuk Kong, sebahagian daripada masyarakat Melayu di Kampung Buntal mengetahui tentang kewujudan Datuk Kong berdasarkan daripada ciri-ciri Melayu Islam yang ada pada Datuk Kong. Perkara tersebut boleh dilihat daripada temu bual pengkaji bersama Haji Oren, Encik Abu Samah dan Encik Jemat Fadzil. Informan-informan tersebut melihat Datuk Kong dalam bentuk seorang penganut Islam.

Secara keseluruhan, kewujudan Datuk Kong di Kampung Buntal diketahui oleh kesemua informan-informan yang telah ditemu bual. Hal ini menunjukkan kepada pengkaji bahawa sebahagian daripada penduduk Melayu di Kampung Buntal mengetahui bahawa masyarakat Cina menyembah Datuk Kong dari dahulu. Daripada titik tolak tersebut, kewujudan Datuk Kong merupakan bukan suatu perkara yang asing dalam kalangan masyarakat. Malahan, segelintir masyarakat Melayu membesar dengan pengetahuan terhadap kewujudan Datuk Kong.

#### **4.2. Analisis pandangan dan perspektif masyarakat Melayu Sarawak terhadap penyembahan Datuk Kong**

Selain daripada kesedaran terhadap kewujudan Datuk Kong, pengkaji telah bertanya kepada informan-informan tentang pandangan dan perspektif mereka tentang penyembahan masyarakat Cina terhadap Datuk Kong. Kesemua informan yang ditemui pengkaji di kawasan kajian telah menyatakan pendapat dan perspektif mereka yang tersendiri. Dalam temu bual bersama Encik Salleh, beliau telah menyatakan bahawa tiada unsur kepercayaan dalam dirinya yang diletakkan kepada Datuk Kong.

*“...(ketawa) kamek sik ada pecayak dengan benda kedakya. Bena pun benda ya kamek nang sik cayak.”*

(Saya tiada kepercayaan dengan benda seperti itu. Jika benar, saya memang tidak percaya)

*“...sebab kita tok sorang ajak kepercayaan kita (sambil tunjuk ke langit)”*

(Sebab kita ada seorang sahaja dalam kepercayaan kita).

Kepercayaan terhadap kewujudan Datuk Kong sekali gus tidak mempengaruhi kepercayaan Encik Salleh terhadap ajaran Islam. Encik Salleh menyatakan kepada pengkaji bahawa keserasian masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu telah membawa kepada toleransi antara satu sama lain. Encik Salleh turut menyatakan bahawa tiada provokasi yang berlaku tambahan pula masyarakat Cina di kampung tersebut terdiri daripada jumlah yang kecil. Kepercayaan masyarakat Cina di Kampung Buntal tidak sedikit pun mendatangkan bantahan daripada masyarakat setempat. Hal ini telah diujar sendiri oleh Encik Salleh:

*“Nang sik ada lah. Sikda bantahan daripada penduduk kampung. Sebab Cina sitok sik banyak jadi sidak sikda macam-macam juak bah. Ya sebab sidak sikda masalah sebab sidak udah serasi dengan orang di kampung tok malah bekerjasama dengan orang kampung. Haa ya nyuroh nya. Daknya sikda bangkit hal agama, sikda provokasi. Mun setakat tok nang sik da.”*

(Memang tiada. Tiada bantahan daripada penduduk kampung. Hal ini disebabkan di sini tidak ramai masyarakat Cina jadi mereka 50 tidak macam-macam. Oleh itu mereka tiada masalah sebab mereka dah serasi dengan orang kampung malah bekerjasama dengan orang kampung. Ha itulah sebabnya. Mereka tidak membangkitkan isu agama, tiada provokasi. Setakat ini memang tiada)

Setelah pengkaji menganalisis pandangan dan perspektif daripada Encik Salleh, pengkaji beralih kepada pandangan yang diutarakan daripada Haji Ali atau dikenali sebagai Pak Ali. Setelah pengkaji bertanya tentang kewujudan Datuk Kong kepada Haji Ali, pengkaji turut bertanya mengenai tanggapannya terhadap Datuk Kong. Haji Ali telah menyatakan pendapat beliau kepada pengkaji. Daripada temubual Bersama Haji Ali, pengkaji mendapati bahawa beliau tidak meletakkan sebarang kepercayaan terhadap Datuk Kong. Haji Ali turut mempersoalkan kepercayaan yang berunsurkan Melayu tetapi tidak mengikut syariat Islam yang telah ditetapkan. Haji Ali juga menyatakan kepada pengkaji bahawa kewujudan Datuk Kong seperti direka atau diada-adakan.

*“...kamek tok nang sik pecayak nak kedakya. Sangka kamek sidak ya ngada-ngadakan...”*

(Saya ni memang tidak percaya terhadap perkara sebegini. Sangkaan saya mereka hanya mengada-adakan perkara tersebut)

*“...macam sidak ya mengada-ngadakan. Macam sidak padah Datuk sidak orang Melayu, apa kenak ko ikut segala patung. Kenak kau sik sembah Allah? Pendapat kedakya lah kamek rasa.”*

(Mereka macam mengada-adakan. Macam mereka cakap Datuk Kong orang melayu, kenapa mereka ikut segala patung, kenapa tidak sembah Allah? Begitulah pendapat pak cik).

Perkara tersebut menjelaskan kepada pengkaji bahawa pandangan dan perspektif Haji Ali mengenai Datuk Kong adalah sama seperti Encik Salleh, di mana tiada sebarang unsur kepercayaan yang diletakkan terhadap penyembahan Datuk Kong.

Pengkaji juga mendapat hasil yang sama dengan informan-informan sebelumnya. Ketiga-tiga informan tersebut (Haji Oren, Encik Abu Samah & Encik Jemah Fadzil) menetapkan pendirian mereka dengan tidak mempercayai semangat Datuk Kong atas pendirian berpaksikan ajaran Islam. Contoh yang dapat kita lihat daripada perbualan tersebut Haji Oren berpendapat bahawa kita mempunyai agama kita yang tersendiri dan tidak harus mengikut perbuatan yang dilakukan dalam agama lain.

*“...Lakum Dinukum Wa Liya Din”. Kau dengan agama kau aku dengan agama aku. Udh barang ya jadi kepercayaan barang ya jadi. Udh dimasuk Iblis, dimasuk setan...”*

(“Lakum Dinukum Wa Liya Din”. Kau dengan agama kau aku dengan agama aku. Jika benda itu menjadi kepercayaan barang itu memang akan menjadi. Sudah dimasuk iblis, dimasuk syaitan)

*“...mun diikutkan, nang sik diterimak...”*

(Jika diikutkan, memang tidak terima)

Encik Abu Samah juga menyatakan bahawa perbuatan menyembah Datuk Kong adalah sama sekali perbuatan yang salah jika dilihat dari hukum agama.

*“...kita nangga benda ya disembah bah, jadi kita mungkin akan jadi lain bila kita tangga sebab lain bah jadi dari segi agama kita pun...”*

(Kita melihat benda tersebut disembah, jadi kita mungkin akan berasa lain sebab berbeza dari segi agama kita sendiri)

Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas apabila menyembah kepada patung yang dibuat oleh manusia jika dibandingkan dengan agama Islam yang menyembah hanya kepada Allah SWT ujar Encik Fadzil Jemat.

*“...Sidak sembahyang benda ya dipolah, kita sembahyang sikda dipolah...”*

(Mereka sembahyang Datuk Kong patung dibuat, kita sembahyang tidak dibuat)

Walaupun ketiga-tiga informan tersebut yang telah ditemu bual oleh pengkaji secara serentak tidak mempercayai kepada penyembahan Datuk Kong, mereka tetap menghormati kepada amalan masyarakat Cina itu. Mereka tiada masalah untuk bertoleransi walaupun terdapat perbezaan fahaman dan agama. Daripada perbualan pengkaji bersama informan, pengkaji melihat mereka berpendapat bahawa melalui pengalaman mereka agama yang mereka amalkan iaitu agama Islam tidak pernah dipermainkan oleh mana-mana pihak di Sarawak.

*“...Mun diperati di Sarawak tok, nang sikda lah agama kita tok dipermainkan. Di semenanjung memang dah ada dah. Kita udah diat udah nangga...”*

(Jika diperhatikan di Sarawak ini, memang tiada agama kita dipermainkan. Di semenanjung memang dah ada dah. Kita sudah tengok)

Penghormatan kepada agama lain merupakan suatu kemestian. Perkara ini dapat dilihat apabila Encik Fadzil Jemat tidak menolak sebarang kemungkinan masyarakat Cina memang percaya terhadap semangat Datuk Kong. Tambah Encik Fadzil lagi, bangsa yang terdapat di Sarawak tidak pernah diganggu dalam apa jua kepercayaan yang diamalkan.

*“...banyak agama di Malaysia tok. Kita lain, India lain, Cina lain. Bangsa di Sarawak tok kita sik kaco, Nya untuk nya, kita untuk kita...”*

(Banyak agama yang terdapat di Malaysia. Kita lain, India lain, Cina lain. Bangsa di Sarawak kita tidak ganggu. Mereka untuk mereka, kita untuk kita)

Berbeza dengan informan yang lain, Encik Dollah mempercayai terhadap kewujudan semangat yang dimiliki oleh Datuk Kong. Antara sebab utama Encik Dollah mempercayai kewujudan semangat Datuk Kong ialah di mana beliau menyatakan kepada pengkaji beliau pernah mengikuti upacara masyarakat Cina terhadap Datuk Kong.

*“...sebab kamek dolok memang dah ngerja benda kedakya. Ya nyuruh kamek tauk. Kamek berani kelaka. Mula-mula kamek cuba, paling bagus dekat Buntal ya...”*

(Sebab saya dahulu memang sudah bekerja dengan benda tersebut. Itu yang membolehkan saya tahu. Saya berani cakap. Mula-mula saya cuba, paling bagus dekat Kampung Buntal)

Hasil daripada pemerhatian pengkaji, Kesemua informan tidak mempercayai kewujudan semangat Datuk Kong kecuali Encik Dollah. Perkara yang membezakan Encik Dollah dengan informan lain adalah penglibatan beliau dengan masyarakat Cina dalam mengendalikan upacara penyembahan Datuk Kong. Perkara ini sekali gus menjadikan Encik Dollah mempunyai pengalaman yang luas sehingga beliau sangat yakin dari segi pendapat dan perspektif untuk berbincang mengenai kewujudan semangat Datuk Kong. memberi khidmat kepada masyarakat Cina dalam upacara penyembahan Datuk Kong. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam berurusan dengan Datuk Kong. Antara nya ialah menolong kawan Cina beliau yang dikenali sebagai Ah Kian menyediakan jamuan kepada Datuk Kong. Encik Salleh juga pernah bekerjasama dengan masyarakat Cina dalam upacara yang dikenali sebagai 'Sembahyang Ampas (Sembahyang Hantu).

Penglibatan Encik Dollah dalam upacara penyembahan Datuk Kong dalam kalangan masyarakat Cina membuatkan beliau mempunyai kepercayaan yang kuat dalam menyatakan semangat Datuk Kong adalah benar-benar wujud dari sudut pendapat dan perspektif beliau. Ujar beliau lagi, semangat Datuk Kong harus dihormati dan dipelihara daripada sebarang kekotoran kerana perkara tersebut boleh mendatangkan kemarahan daripada Datuk Kong.

*"...sebenar-benanya barang ya nang macamnya. Kadang-kadang kita sik betul pergi ke tapekong kita oleh kenak badi juak. Jangan sebarang. Nak macamnya kita kenak pecayak ngan yakin. Sik boleh sebarang. kamek padah ngan kitak..."*

(Sebenar-benarnya, benda tu memang sedemikian. Kadang-kadang kita pergi ke tokong dengan niat tidak betul kita boleh terkena badi. Jangan sebarang. Benda macam ini kita kena percaya dan yakin. Tidak boleh sebarang. Pak cik pesan dengan kamu)

Beliau menambah dalam pernyataan beliau, Datuk Kong adalah berbeza daripada makhluk halus kerana Datuk Kong dilihat sebagai seseorang manakala makhluk halus tergolong dalam kumpulan bunian, jin dan sebagainya.

*"...macamnya lah. Datuk Kong tok adalah orang. Makhluk halus adalah makhluk halus. Makhluk halus tok macam bunian, jin. Nya banyak jenis. Kadang sidaknya sikmaok dikotor. Kita ludah pun sik boleh. Bait kita di surau kita kah, sama juak kita, sikboleh meludah sebarang..."*

(Begitu lah. Datuk Kong adalah orang. Makhluk halus adalah makhluk halus. Makhluk halus adalah seperti bunian, jin. Mereka banyak jenis. Mereka tidak mahu dikotorkan. Kita ludah pun tidak dibenarkan. Sama juga kita di surau, kita tidak boleh meludah sebarang)

Walau bagaimanapun, sebahagian besar informan memberikan ulasan bahawa mempercayai penyembahan semangat Datuk Kong adalah salah apabila dilihat daripada paksi agama. Informan-informan yang lain menyatakan bahawa mereka hanya taat kepada satu Tuhan sepertimana yang dinyatakan oleh mereka dalam temu bual bersama pengkaji. Oleh itu, informan-informan yang lain menganggap bahawa semangat Datuk Kong yang disembah adalah tidak wujud dan ianya hanyalah kepercayaan masyarakat

Cina. Hal ini berbeza dengan perspektif yang diberikan oleh Encik Dollah. Hal ini kerana Encik Dollah telah terlibat secara lansung dengan upacara masyarakat Cina menyembah Datuk Kong.

#### **4.3. Analisis kepercayaan dan keyakinan masyarakat Melayu terhadap kuasa magis yang dimiliki oleh Datuk Kong**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengambil bahagian penting daripada Encik Dollah sahaja. Hal ini kerana Encik Dollah merupakan hanya satu-satunya informan yang percaya kepada kekuasaan yang dimiliki oleh Datuk Kong. Hasil penelitian daripada transkripsi bersama Encik Dollah, pengkaji dapat melihat bahawa beliau mempunyai kepercayaan yang mendalam dan yakin terhadap kekuasaan Datuk Kong. Oleh itu, pengkaji telah mengambil maklumat yang penting daripada temu bual untuk bahagian ini.

Daripada transkripsi yang telah direkodkan, pengkaji akan mengambil bahagian yang berkaitan mengenai kepercayaan Encik Dollah terhadap kekuasaan yang dimiliki oleh semangat Datuk Kong. Menurut Encik Dollah, beliau menyatakan kepada pengkaji bahawa beliau merupakan seorang pengamal perubatan tradisional. Oleh itu, beliau mempunyai pengalaman dalam berurus dengan Datuk Kong. Berbeza daripada informan lain, Encik Dollah merupakan satu-satunya yang terlibat dalam dunia perubatan tradisional. Hal ini seterusnya membawa jawapan kepada kepercayaan Encik Dollah terhadap kuasa magis yang dimiliki oleh semangat Datuk Kong. Secara terperincinya, Encik Dollah melihat kuasa yang dimiliki oleh Datuk Kong dapat dilihat dalam bidang perubatan tradisional dan memberi rezeki yang melimpah ruah. Pengkaji mendapati bahawa semangat Datuk Kong kerap kali diminta pertolongan dari segi penyembuhan terhadap sesuatu penyakit. Selain itu, Datuk Kong juga dipercayai dapat memberi kemakmuran dan kekayaan kepada sesebuah yang meminta kepada Datuk Kong bergantung kepada niat si peminta. Sekiranya si peminta datang dengan niat yang betul dan tidak tamak maka Datuk Kong akan mengabulkan hajat permintaan orang tersebut manakala sekiranya seseorang itu mempunyai niat yang tamak maka semangat Datuk Kong tidak akan mengabulkan permintaan orang tersebut. Menurut Encik Dollah, Datuk Kong akan memberi kepada individu sekiranya mempunyai niat yang betul dan usaha untuk mendapatkan kemakmuran. Mereka yang percaya terpulang kepada mereka. Sekiranya kita percaya kepada Allah Taala maka kita akan meminta dengan cara yang betul daripada usaha yang setimpal.

Selain itu, Encik Dollah memberitahu kepada pengkaji bahawa semangat Datuk Kong merupakan semangat yang paling kuat jika dibandingkan dengan mana-mana dewa dalam kepercayaan masyarakat Cina. Encik Dollah menyatakan Datuk Kong sukar dimasuki oleh anasir yang dianggap jahat. Hal ini kerana Datuk Kong sentiasa dijaga rapi dan dipastikan kebersihan dijaga. Encik Dollah turut menyatakan kepada pengkaji bahawa semangat Datuk Kong Melayu dipisahkan daripada dewa yang lain kerana Datuk Kong mempunyai tempatnya yang tersendiri dan senang dikenal pasti berdasarkan karakter yang ada di patung Datuk Kong. Pengasingan tersebut juga menjelaskan kuasa yang dimiliki oleh Datuk Kong yang dikatakan sukar untuk dimasuki oleh roh atau anasir yang jahat. Kepercayaan Encik Dollah juga didorong oleh kebolehan yang dimiliki oleh beliau iaitu mempunyai indera keenam atau '*sixth sense*' di mana beliau boleh berkomunikasi secara terus dengan semangat Datuk Kong. Kebolehan Encik Dollah yang mempunyai deria keenam membolehkan beliau untuk bercakap dengan semangat Datuk Kong menjadi salah satu sebab beliau banyak melibatkan diri dalam aktiviti ibadat

masyarakat Cina. Antaranya ialah membantu menyediakan bahan untuk melakukan upacara penyembahan Dewa Datuk Kong.

Daripada kesemua informan yang telah ditemui, Encik Dollah merupakan satu-satunya informan mempercayai kewujudan semangat dan kekuasaan yang dimiliki oleh Datuk Kong. Oleh sebab itu, dalam bahagian ini pengkaji hanya mengambil maklumat daripada temu bual Bersama Encik Dollah. Pengkaji mengamati bahawa cerita yang disampaikan oleh Encik Dollah merupakan sebahagian besar daripada pengalaman beliau dalam penglibatannya terhadap upacara perayaan sembahyang Cina. Perkara berikut telah memberikan Encik Dollah pengetahuan mengenai upacara dan kepercayaan masyarakat Cina. Penglibatan Encik Dollah telah mendapat pengakuan daripada masyarakat Cina sendiri iaitu Ah Kian berkaitan dengan pengetahuan Encik Dollah terhadap Datuk Kong. Perkara ini menunjukkan bahawa Encik Dollah bukanlah orang asing dalam masyarakat Cina setempat.

Hasil pemerhatian pengkaji, sebahagian besar daripada informan mempunyai jati diri dan watak yang lebih berlandaskan kepada ajaran Islam. Rata-rata informan yang telah ditemu bual menyatakan kepercayaan mereka kepada Allah S.W.T sebagai satu Tuhan yang berkuasa dalam kehidupan mereka.

Daripada hasil kajian juga, pengkaji tidak menolak kemungkinan terdapat golongan Melayu yang juga yang masih mengamalkan pengaruh asing daripada pengaruh keagamaan. Sebagai contoh, terdapat segelintir masyarakat Melayu yang masih mengamalkan amalan yang dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam seperti bomoh, dukun dan yang berkaitan. Perkara ini telah disebut oleh [Swettenham \(2003\)](#) di mana masyarakat Melayu merupakan pengikut Nabi Muhammad yang meletakkan kepercayaan kepada takdir, akan tetapi, mereka ini juga percaya kepada perkara tasyul. Hal ini boleh dilihat melalui kajian pengkaji yang telah menemui informan yang bernama Encik Dollah yang berbangsa Melayu dan juga seorang pengamal ilmu tradisional yang percaya terhadap semangat Datuk Kong.

Perkara ini seterusnya memberitahu pengkaji terdapat dua golongan Melayu daripada hasil kajian yang telah dilakukan. Pertama adalah golongan Melayu yang sepenuhnya patuh sepenuhnya kepada ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari. Golongan ini boleh dilihat daripada contoh informan Encik Salleh, Haji Ali, Haji Oyen, Encik Abu Samah dan Encik Jemat bin Fadzil. Golongan Melayu seperti ini secara menyeluruh menolak kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti wujudnya semangat Datuk Kong melalui penyembahan. Menurut ajaran Islam, tiada benda yang harus disembah melainkan Allah yang merupakan Tuhan yang satu (Maha Esa) dan Nabi Muhammad s.a.w merupakan pesuruh Allah, sebagai seorang yang beragama Islam harus meninggalkan perkara yang dilarang ([Basiran, Mohd Saberi & Jasmi, 2012](#)). Oleh itu, informan-informan ini menganggap perkara menyembah Datuk Kong adalah perkara yang dilarang dan ditegah kerana menyembah kepada sesuatu selain Allah. Oleh itu, perbincangan Bersama informan-informan golongan ini terhadap kewujudan Datuk Kong adalah sesuatu perkara yang karut.

Golongan kedua adalah Melayu yang percaya kepada ajaran Islam tetapi pada masa yang sama percaya terhadap penyembahan Datuk Kong. Hal ini terjadi kerana menurut [Abdul Hamid \(2016\)](#) ajaran agama Islam tidak terlepas dengan proses akulturasi dan sinkristisme dengan kepercayaan pada masa lalu sebelum kedatangan Islam. Hal ini

dapat dilihat apabila golongan ini masih mempunyai kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang tidak berjaya dibuang daripada aspek kehidupan harian dan telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dalam golongan kedua ini. Perkara ini dibuktikan dalam temu bual bersama Encik Dollah di mana beliau menyatakan terdapat golongan Melayu yang meminta pertolongan daripada Datuk Kong untuk kesenangan hidup. [Abdul Hamid \(2016\)](#) menyatakan di dalam kerja beliau di mana contoh yang paling ketara dalam akulturasi dan sinkristisme adalah aktiviti perbomohan yang menggunakan perantaraan jin dan makhluk halus bagi tujuan perubatan atau untuk memenuhi hajat seseorang.

## 5. Kesimpulan

Secara intinya, manusia dan kehidupan beragama atau sesuatu kepercayaan sememangnya tidak boleh dipisahkan. Kewujudan upacara penyembahan terhadap Datuk Kong dalam masyarakat Cina merupakan salah satu contoh yang jelas terhadap pernyataan tersebut. Kepercayaan seperti ini telah dibawa daripada masyarakat terdahulu dan masih dikekalkan sehingga sekarang sebagai tanda hormat dan setia kepada dewa-dewa yang disembah. Telah terjadi proses akulturasi dan sinkritisme terhadap masyarakat Melayu daripada amalan tersebut seterusnya telah mempengaruhi sesetengah masyarakat Melayu di Sarawak. Walaupun begitu, pengkaji dapat melihat ajaran agama Islam masih mempengaruhi serta mengukuhkan kepercayaan dan pegangan sebahagian besar masyarakat Melayu dalam mempercayai Allah swt. Perkara ini seterusnya telah membuatkan pengkaji untuk melihat dari dua perspektif yang berbeza dalam kajian ini. Hasil bacaan daripada kajian lepas telah banyak membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih mendalam tentang masyarakat Melayu Sarawak.

Hasil temu bual daripada kajian juga membolehkan pengkaji melihat penerimaan masyarakat Melayu terhadap sesuatu perkara, contohnya sebahagian Datuk Kong yang menyerupai sebagai masyarakat Melayu. Rasional dan masyarakat Melayu adalah berpaksikan kepada ajaran agama dan ada di antaranya juga dipengaruhi oleh unsur fahaman masyarakat terdahulu seperti perbomohan, dukun, tukang berubat dan sebagainya.

## Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Pengkaji di dalam kajian ini mengikuti sepenuhnya etika penyelidikan yang telah disediakan oleh pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Segala prosedur yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan yang melibatkan subjek manusia telah mengikut garis etika dan piawaian penyelidikan institusi. Pengkaji telah mendapatkan persetujuan dan kebenaran daripada pihak yang terlibat dalam kajian ini.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji ingin memberi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penduduk Kampung Buntal atas kesudian dan keikhlasan dalam meluangkan masa memberi maklumat untuk kajian ini.

## Kewangan (*Funding*)

Pengkaji ingin meluahkan rasa syukur dan meluahkan jutaan terima kasih kerana kajian dan penerbitan ini telah dibiayai melalui geran penyelidikan pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan segala yang berkaitan dengan kajian atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Hamid, S. (2016). Islam dalam pembentukan pandangan semesta masyarakat Melayu. *Jurnal Seri Alam*, 1(12), 143-150.
- Abdul Wahab, H. (2013). Petua dan pantang larang tradisional dalam alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 89-97.
- Abdullah, S. (2006). Institusi bomoh dalam masyarakat melayu menurut perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9, 181-203.
- Ahmad, A. S. (1996). *Petua-petua Melayu Sarawak tradisional*. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Al-Arfaj, M. A. (2002). *What must be known About Islam*. 1st edition. TTP: TP.
- Anderson Jr., E. N. (1977). The Changing Tastes of the Gods: Chinese Temple Fair in Malaysia", *Asian Folklore Studies*, 36, 19-30.
- Awang Mois, A. H. (2001). Adat Melayu Sarawak. Dalam *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Awang, A. & Mohd Khambali, K. (2016). Perkaitan akulturasi budaya dan hubungan antara agama: Kajian terhadap komuniti Cina pra konversi di negeri Terengganu. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 8(1), 85-102.
- Baki, M. S. (1993). Tingkah laku tak normal. Dalam *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basiran, N. A., Mohd Saberi, N. S., & Jasmi, K. A. (2012). Ajaran dan kepercayaan agama Islam. Paper presented at *Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Benedict Mugok, R & Chai, E. (2018). Inculturation: Blending Christianity into local culture. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 3(1), 44-54.
- Beng, T. C. (1993). *Chinese peranakan heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Chai, E. (2013). *One deity, many ways: A comparison of communal rituals in two Chinese settlements in Sarawak in multiculturalism in monsoon asia*, In We-An, C., Hsieh, L. L., & Yu-Chun, H (Eds.), (pp.145 – 175). National Tsing Hua University: Taiwan.
- Chai, E. (2014). Our Temple, Our Past: Memories of the Past and Social Identity of A Hakka Community in Sarawak. *Malaysian Journal of Chinese Studies*, 3(1), 21-34.
- Cheu, H.T. (1992). The Datuk Kong Spirit Cult Movement in Penang: Being and Belonging in Multi-Ethnic Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 23(2), 381-404.
- DeBernadi, J. (2009) Wudang mountain and mount zion in Taiwan: Syncretic processes in space, Ritual performance and imagination. *Asian Journal of Social Science*, 37(1), 138-162.
- Elliot, A. J. A. (1955). *Chinese spirit-medium cults in Singapore*. London: Athlone Press

- Freedman, M. (1973). *The Study of Chinese Society*. Standford: Standford University Press.
- Freedman, M., & Skinner, G. W. (1979). The study of Chinese society: Essays. Standford University Press.
- Gay, L. R., & Airasian, P. W. (2003). *Educational research:Competencies for analysis and application (7th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Jasmi, K. A. (2012, March 28-29) *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif* Paper presented at Puteri Resort Melaka, JB: Insititut Pendidikan Guru Malaysia.
- Karim, J. A., & Rezo, K. A. (2012). Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis (Measuring Malay Values: An Exploratory Study). *Akademika*, 82(1), 113-123.
- Khoo, K. K. (2010). *The penang baba/peranakan chinese community*. Dalam *Penang peranakan and Chinese Muslim: An historical and cultural journey*. Persatuan Karyawan Pulau Pinang: Pulau Pinang.
- Lau, Y. L. (2012). Datuk Kong dan Guan Yin, Ong dan Huat: Satu kajian leksikal bahasa yang mempunyai unsur agama Cina. Paper presented at *National Conference on Religion and Society, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia*.
- Masroom, M. N., Muhamad, S. N., & Panatik, S. A. (2013). Iman, Islam dan ihsan: Kaitannya dengan kesihatan jiwa. Paper presented at *Seminar Pendidikan dan Penyelidikan Islam (SePPIM 13), Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mohd Mokhtar, R. A. & Sa'ari, C. Z. (2015). Konsep sinkretisme menurut perspektif Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 17(1), 51-78.
- Mun, C. Y., & Fee, L. Y. (2014). Settling Down Spiritually: Chinese Malaysian's Worship of Datuk Gong. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(1), 379-391
- Mustafa, R., Deli, R., Sarbini-Zin, M. & Meor Osman, W. R. (2014). Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 316-322.
- Osman, M. T. (1989). *Malay folk beliefs: An integration of disparate elements*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2<sup>nd</sup> ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc
- Peow, S. H. (2012). From Keramat to Datuk Gong: A Religious Exchange Between the Malays and the Chinese. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 17(2), 185-204.
- Swettenham, F. (2003). *Perihal orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Temple Tree. (n.d.). Datuk Kong Temple. Retrieved from <https://www.straitscollection.com.my/PDFs/Temple-Tree-Press.pdf>
- Tjandra, L. (1993). *Translation of Against superstition, withcraft and demon possession (vol.II) Folk religion among the Chinese in Southeast Asia*. Hong Kong: Logos Book House LTD.
- Twinem, P.D.W. (1925). Modern syncretic religious societies in China. *The Journal of Religion*, 5(5), 463-482.